

PRU-13: Tun Dr. Mahathir yakin BN tawar semula Kedah
Utusan Online
20 April, 2013

JERLUN 20 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, peluang Barisan Nasional (BN) untuk menawan semula Kedah daripada pakatan pembangkang amat cerah pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau berkata, ini kerana sokongan rakyat terhadap BN di negeri ini sudah kembali kuat seperti dahulu dan diharap ia akan diterjemahkan dalam bentuk undi pada 5 Mei ini.

"Saya dapati hari ini ramai penyokong datang, cukup bersemangat macam BN dulu-dulu.

"Ini bermakna waktu mengundi nanti kehadiran pengundi untuk Kedah nampak baik, peluang amat cerah," katanya ketika ditemui di pusat penamaan calon kawasan Parlimen Jerlun di Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, dekat sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_158/PRU-13-Tun-Dr-Mahathir-yakin-BN-tawan-semula-Kedah#ixzz2ZuWrEMSj

© Utusan Melayu (M) Bhd